



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	24 JULY 2016

Salleh mahu Najib berani, terus berjuang

UM - 24/7/2016

KUALA LUMPUR 23 Julai - Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Mohd. Salleh Said Keruak mahu Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berani dan terus berjuang menentang hentaman politik ketika beliau meningkat usia 63 tahun hari ini.

Mohd. Salleh berkata, terdapat ramai rakyat Malaysia yang menyokong Perdana Menteri tetapi ingin berdiam diri kerana mereka merasakan tiada guna berhujah mengenai sesuatu yang tidak akan diselesaikan.

"Rakyat Malaysia ini mempunyai keyakinan terhadap kepemimpinan anda (Najib) dan akan terus berdiri di belakng anda. Percaya dan yakinlah anda tidak keseorangan. Selamat hari lahir Datuk Seri, kekal berani dan terus berjuang kerana kami bersama anda," katanya dalam blognya sskeruak.blogspot.my hari ini.

Beliau berkata, tiada sesiapa pun boleh menafikan bahawa ia merupakan 40 tahun karier politik yang mencabar buat Najib, terutamanya pada 10 tahun lalu sejak 2006 apabila bekas Per-

dana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad membuat keputusan beliau sudah cukup rehat dengan persaraannya dan kembali dalam arena politik Malaysia.

Mohd. Salleh berkata, mana-mana orang pastinya akan mengalah sekarang daripada bertahan selama 10 tahun dihentam berterusan oleh Dr. Mahathir.

"Pada mulanya Dr. Mahathir mendesak Najib untuk menggulingkan Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad

Badawi, apabila Najib tidak bersetuju, malahan menyatakan secara terbuka sokongan terhadap Abdullah, Dr. Mahathir menyerang beliau.

"Selepas Najib mengambil alih jawatan Perdana Menteri tiga tahun kemudian, Dr. Mahathir terus menyerang beliau dengan pelbagai isu dan terbaharu, sudah tentu mengenai 1MDB," katanya.

Mohd. Salleh berkata, Najib merupakan Perdana Menteri Malaysia keenam tetapi mungkin yang pertama diganggu oleh bekas Perdana Menteri



SALLEH SAID KERUAK

- BERNAMA